

Pindah semula selepas seminggu

KUANTAN: Gelombang kedua banjir turut melanda negeri ini berikutan hujan tidak berhenti sejak awal pagi semalam, menyebabkan 152 mangsa daripada 32 keluarga terpaksa dipindahkan ke tiga pusat pemindahan sementara di Balok, Galing dan Sungai Ular, di sini.

Difahamkan, hujan sejak jam 3 pagi semalam menyebabkan rumah di Kampung Sungai Ular, Kampung Galing/Galing Besar/Taman Sri Kuantan dan Kampung Seberang Balok ditenggelami air sedalam kira-kira dua meter.

Wan Shafariah Wan Osman, 30, dari Kampung Haji Wan Hussin, berdekatan Kawasan Perindustrian Gebeng, Balok, di sini, berkata, banjir pagi semalam, benar-benar mengejutkan kerana baru seminggu dia sekeluarga berpindah ke pusat pemindahan sama iaitu di Dewan



BERSAMA KAWAN...kanak-kanak ditempatkan di pusat pemindahan di Balok.

Orang Ramai Balok.

“Baru beberapa hari saya pulang ke rumah, hari ini (semalam) kena pergi balik ke pusat pemindahan.

“Hujan lebat sejak jam 3 pagi tadi (semalam) men-

jadi punca air melimpah dari longkang berhampiran kawasan kampung kami,” katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kema-juan Kampung (JKKK)

Kampung Balok, Mohd Zainol Ali berkata, seramai 45 mangsa mula dipindahkan ke dewan itu kira-kira jam 8 pagi selepas kediaman mereka dinaiki air.